

## USUL DAN *FURU<sup>c</sup>* DALAM AKIDAH MENURUT PARA ULAMA AHLI SUNAH WALJAMAAH *FUNDAMENTALS AND SECONDARY MATTERS IN CREED ACCORDING TO THE SCHOLARS OF AHL AL-SUNNAH WAL- JAMA'AH*

Mohd Al Dandarawi Mustafar<sup>1\*</sup> & Yusri Mohamad Ramli<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

### ARTICLE INFO

\*Author Email Address:  
[mohdaldandarawi@gmail.com](mailto:mohdaldandarawi@gmail.com)

Submitted Date:  
21 October 2024

Revised Date:  
15 November 2024

Accepted Date:  
21 December 2024

Kata Kunci:  
Usul, furuk, Akidah Islam,  
Ekstremisme pemikiran,  
Toleransi beragama

Keywords:  
*Fundamentals, secondary matters,  
Islamic creed, extremist thought,  
religious tolerance*

#### Cite as:

Mohd Al Dandarawi Mustafar  
& Yusri Mohamad Ramli.  
2024. Usul dan Furuk dalam  
Akidah Menurut Para Ulama  
Ahli Sunah Waljamaah. *Jurnal  
Islam dan Masyarakat  
Kotemporari*, 25(3):13-26

### ABSTRAK

Ilmu akidah merupakan perbincangan iktikad setiap muslim. Di dalamnya terdapat perbincangan mengenai ketuhanan, kenabian dan perkara sam'iyat yang mesti diimani. Dalam setiap perincian yang dibuat para ulama, mereka telah memahami perbincangan kepada perkara usul dan *furu<sup>c</sup>* akidah bagi memudahkan umat Islam memahami suatu perbincangan dan meletakkan sesuatu masalah pada tempat yang benar. Namun begitu, terdapat juga kesalahfahaman dalam mengetahui makna usul dan *furu<sup>c</sup>* dalam akidah yang timbul apabila seseorang tidak memahami makna usul dan *furu<sup>c</sup>* dengan betul. Antara keburukan yang berlaku adalah ekstremisme dalam pemikiran, di mana perbezaan pendapat dalam isu-isu kecil dianggap sebagai kekufuran. Maka objektif kajian adalah menerangkan makna usul dan *furu<sup>c</sup>* dalam akidah serta pandangan ulama yang menyebutkan pembahagian mengenainya. Seterusnya menjelaskan ciri-ciri penentuan usul dan *furu<sup>c</sup>* dalam akidah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan cara pengumpulan data dan kaedah analisis dari kitab-kitab ulama Ahli Sunah wal Jamaah antaranya *Faisol Tafrīqah Baina Islām wa Zindiqiyah*, *Tuhfatul Murid Syarah Jauhar Tauhid* dan banyak lagi. Kesimpulannya, perbincangan usul dan *furu<sup>c</sup>* disebut dalam perbincangan akidah dan terdapat beberapa ciri penentuan yang disebut oleh ulama. Dapatan kajian ini memberikan panduan praktikal dalam membezakan antara usul dan *furu<sup>c</sup>* dalam akidah untuk mengatasi masalah ekstremisme pemikiran. Dengan memahami perbezaan ini, masyarakat dapat mengelakkan sikap takfiri terhadap perbezaan pandangan dalam perkara cabang. Kajian ini mencadangkan aplikasi konsep ini dalam pendidikan, dakwah, dan pengurusan masyarakat bagi memupuk toleransi dan perpaduan, sekali gus menyumbang kepada keharmonian ummah.

### ABSTRACT

*The science of creed (aqidah) deals with the beliefs of every Muslim. It includes discussions on divinity, prophethood, and matters of the unseen that must be believed. In their detailed expositions, scholars have categorized discussions into fundamental (usul) and secondary (furu<sup>c</sup>) matters of creed to facilitate Muslims' understanding of debates and to place issues in their proper context. However, misunderstandings about the meaning of usul and furu<sup>c</sup> in creed have arisen when individuals fail to grasp these concepts correctly. Among the negative consequences is extremism in thought, where differences of opinion on minor issues are considered as disbelief. Thus, the objective of this study is to explain the meaning of usul and furu<sup>c</sup> in creed and the views of scholars who have mentioned this division. Furthermore, it aims to clarify the characteristics for determining usul and furu<sup>c</sup> in creed. This study was conducted using qualitative methods, collecting data and analyzing it from books of Ahl al-Sunnah wal-Jama'ah scholars, including Faisal al-Tafriqah baina al-Islam wa al-Zandaqah, Tuhfat al-Murid Sharh Jawhar al-Tawhid, and many others. In conclusion, the discussion of usul and furu<sup>c</sup> is mentioned in creed debates, and scholars have identified several determining characteristics. The findings of this study provide practical guidance in differentiating between usul and furu<sup>c</sup> in faith to overcome the problem of thought extremism. By understanding this difference, it is possible to avoid society's takfiri attitude towards differences of opinion in branch matters. This study suggests the application of this concept in education, da'wah, and community management to form tolerance and unity, thereby contributing to the harmony of the community.*

## PENGENALAN

Tauhid merupakan konsep asas dan teras dalam akidah Islam, menjadi intipati utama ajaran yang memfokuskan kepada keesaan Allah SWT. Berasal dari perkataan arab ‘*wahhada*’ yang bermaksud ‘menyatukan’ atau ‘mengesakan’, tauhid dalam konteks Islam merujuk kepada pengakuan dan keyakinan mutlak bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Esa, tanpa sekutu dalam segala aspek. Konsep ini merangkumi keesaan Allah dalam zat-Nya, sifat-Nya, perbuatan-Nya, dan dalam ibadah yang ditujukan kepada-Nya. Tauhid berdasarkan firman-Nya di dalam al-Quran surah al-Ikhlâs ayat 1:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad); Dia (Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa.

Tauhid bukan sekadar konsep, tetapi merupakan asas yang perlu diterjemahkan dalam setiap aspek kehidupan seorang Muslim. Tauhid menuntut pengakuan bahawa Allah adalah Esa, memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang unik, berkuasa mutlak atas segala kejadian di alam semesta dan hanya Dia-lah yang layak disembah dan diabdikan (al-Thahawi, 2002). Pemahaman dan pengamalan tauhid yang benar menjadi tonggak keimanan, membentuk *worldview* seorang muslim dan mempengaruhi setiap tindakan serta keputusan dalam kehidupan seharian. Dengan menghayati tauhid, seorang muslim diharapkan dapat mencapai keharmonian spiritual dan kehidupan yang seimbang, sentiasa sedar akan kehadiran dan kekuasaan Allah dalam setiap aspek kewujudannya (Muhammad & al-Akiti, 2021).

Ulama dalam tradisi Islam telah membahagikan perbincangan akidah kepada dua kategori utama: usul (asas) dan *furu'* (cabang). Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman dan pengamalan akidah dalam kalangan umat Islam, serta membezakan antara perkara-perkara yang bersifat iktikad dan yang boleh dibahaskan dalam konteks amalan. Usul dalam akidah merujuk kepada prinsip-prinsip asas dan keyakinan teras yang wajib diyakini oleh setiap muslim tanpa sebarang keraguan. Ini merangkumi rukun iman yang enam: keimanan kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab suci, para rasul, hari akhirat, dan qada dan qadar.

*Furu'* pula merujuk kepada perkara-perkara cabang atau perincian dalam akidah yang mungkin terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama. Ini termasuk isu-isu yang lebih kompleks atau kurang jelas dalam nas-nas agama, yang memerlukan ijtihad atau pentafsiran ulama. Contohnya, perbahasan mengenai sifat-sifat Allah yang tidak disebut secara jelas dalam al-Quran dan hadis, atau perincian mengenai alam barzakh. Perbezaan pendapat dalam perkara *furu'* ini dianggap sebagai rahmat dan keluasan dalam agama Islam, selagi tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan dalam usul (Ali Jad, 2009).

## PENYATAAN MASALAH

Dalam akidah terdapat perbahasan usul dan *furu'* yang diletakkan oleh para ulama sebagaimana yang telah disebut oleh al-Ghazali (2017) dalam kitab beliau. Pembahagian ini dibuat bagi mengelakkan umat Islam tidak tersalah dalam sesuatu perbahasan. Ini bermakna apabila seseorang itu berlaku khilaf atau berbeza pandangan dalam beberapa isu yang berkaitan akidah tidak akan membuat ia terkeluar dari Islam. Namun begitu, terdapat juga salah faham dalam mengetahui makna usul dan *furu'* dalam akidah. Salah faham ini boleh timbul apabila seseorang

tidak memahami dengan jelas batasan antara usul dan *furu'*. Sebagai contoh, ada yang mungkin menganggap sesetengah isu *furu'* sebagai usul, lalu mengkafirkan orang yang berbeza pendapat dalam isu tersebut. Sebaliknya, ada pula yang mungkin menganggap sesetengah isu usul sebagai *furu'*, lalu menganggap remeh perbezaan pendapat dalam perkara-perkara asas akidah (al-Akiti, 2022).

Dalam menetapkan perbincangan ilmiah sesuatu perbincangan, para ulama mempunyai metodologi tertentu bagi sesuatu perkara. Terdapat ciri-ciri dan prinsip ilmiah yang diperlukan berdasarkan dalil aqli dan naqli sebelum menetapkan sesuatu perkara. Setiap keputusan atau hukum yang dikeluarkan tidak dilakukan secara sembarangan, tetapi melalui proses kajian mendalam, analisis teks al-Quran, hadis, ijmak (kesepakatan ulama), serta qiyas (analogi) untuk memastikan ia bertepatan dengan ajaran Islam yang sebenar (Ningrum 2017). Namun kerana sikap mengambil mudah dalam masyarakat menyebabkan berlaku salah faham dalam mengetahui ciri-ciri penentuan usul dan *furu'*. Akibatnya, perbincangan agama boleh menjadi tidak ilmiah dan pandangan yang tidak tepat atau menyimpang mungkin dikeluarkan. Akhirnya perkara itu boleh membawa kepada kekeliruan, perpecahan dan kesalahan dalam amalan agama.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menerangkan makna usul dan *furu'* dalam akidah, termasuk mengkaji pandangan ulama yang membahagikan kedua-dua konsep ini, serta menjelaskan ciri-ciri yang menjadi asas kepada penentuan usul dan *furu'* dalam akidah. Kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai asas-asas akidah serta bagaimana perbezaan antara usul dan *furu'* dapat membantu dalam memahami pendekatan ulama terhadap isu-isu akidah secara lebih terperinci dan sistematik.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan mempraktikkan pendekatan berdasarkan teknik penganalisaan seperti pengumpulan data dan analisis kandungan. Kajian ini menghasilkan struktur jawapan yang tersusun terhadap isu pembahagian usul dan *furu'* dalam akidah menurut pandangan para ulama Ahli Sunah wal Jamaah. Di sisi lain, kajian ini juga adalah berbentuk analisis kandungan terhadap teks kitab-kitab ulama terdahulu dan sekarang. Kajian ini melibatkan proses pengumpulan data dan analisis kandungan dari sudut sumber data-data yang diperoleh mengikut perspektif para ulama.

Kajian ini berbentuk kaedah kualitatif, dengan pengkaji menggunakan fakta, maklumat, huraian, peringatan, ulasan hujah dan ciri-ciri yang boleh menjelaskan makna usul dan *furu'* yang terdapat dalam kitab. Oleh yang demikian, sumber data kualitatif dalam kajian adalah berbentuk tulisan, seperti buku, laporan, manuskrip dan sebagainya. Sumber data primer kajian adalah kitab *Tuhfatul Murid Syarah Jauharah Tauhid, Faisol Tafriqah Baina Islām wa Zindiqiyah* dan banyak lagi. Manakala sumber data skunder meliputi buku, kertas kerja yang mempunyai hubungkait dengan permasalahan penyelidikan.

Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan pendekatan dokumentasi yang diaplikasikan secara langsung terhadap sumber data seperti yang telah disebutkan di atas untuk mengetahui pendirian para ulama mengenai pembahagian usul dan *furu'* dalam akidah. Seterusnya pengkaji menggunakan analisis kandungan berdasarkan kitab-kitab para ulama bagi menerangkan pembahagian usul dan *furu'* dalam akidah. Melalui pendekatan ini, pengkaji menyelesaikan permasalahan kajian yang dinyatakan.

## MAKNA USUL DAN *FURU*<sup>c</sup> DALAM AKIDAH

Al-Ghazali (2017) telah menyusun perbincangan dalam bab akidah dengan teliti dan sistematik untuk memudahkan pemahaman dan pengajaran akidah Islam. Beliau memulakan perbincangan akidah dengan pengenalan kepada konsep tauhid sebagai asas utama. Ini merangkumi perbincangan tentang kewujudan Allah, keesaan-Nya dan sifat-sifat-Nya. Beliau kemudiannya beralih kepada perbincangan tentang rukun iman yang lain. Beliau juga memberi perhatian kepada isu-isu yang berkaitan dengan iman dan kufur, termasuk definisi dan syarat-syarat iman, serta perkara-perkara yang boleh membatalkan iman. Bagi memudahkan perbahasan ini beliau membahagikan perbahasan akidah kepada usul dan *furu*<sup>c</sup> sepertimana yang disebut dalam kitab beliau iaitu *Faisol Tafrīqoh Baina Islām wa Zindiqiyyah*:

أن النظريات قسمان : قسم يتعلق بأصول العقائد . وقسم يتعلق بالفروع . وأصول الإيمان ثلاثة : الإيمان بالله , ورسوله , وباليوم الآخر , وما عداه فروع .

Terjemahan: Pandangan ini terbahagi kepada dua, bahagian yang mempunyai kaitan dengan usul akidah dan bahagian yang bersangkutan dengan perkara-perkara cabang. Usul akidah bagi iman itu tiga perkara: Beriman kepada Allah, beriman kepada rasul-Nya dan beriman kepada hari akhirat. Selain daripada ketiga-tiga ini merupakan perkara cabang.

Dalam akidah, usul merujuk kepada perkara-perkara asas yang disepakati oleh para imam Ahli Sunah Wal Jamaah Asha<sup>c</sup>irah dan Maturidiyyah. Ini termasuklah perkara-perkara seperti rukun iman, yang terdiri daripada keimanan kepada Allah, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari kiamat, dan qada dan qadar. Selain itu, usul juga meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah seperti wujud, kekal, berkuasa, mengetahui, dan lain-lain yang diperoleh daripada dalil-dalil naqal (wahyu) dan akal yang diyakini kebenarannya. Usul ini adalah asas kepada akidah yang mana semua pengikut Ahli Sunah Waljamaah mesti bersetuju dan menerimanya tanpa sebarang perselisihan. Usul ini menjadi asas kepada keyakinan dan pegangan seseorang Muslim dalam mengenali Allah dan prinsip-prinsip utama dalam agama Islam.

Adapun *furu*<sup>c</sup> akidah merujuk kepada perkara-perkara cabang dalam akidah yang sering kali diperselisihkan oleh para imam Ahli Sunah wal Jamaah. *Furu*<sup>c</sup> akidah biasanya merangkumi isu-isu yang lebih mendalam dan terperinci, serta mungkin tidak langsung mempengaruhi asas keimanan seseorang. Contoh *furu*<sup>c</sup> akidah termasuk perbincangan mengenai sama ada sifat wujud Allah itu adalah *amrun i<sup>c</sup>tibārī* atau *amrun khārijī* (*hal nafsiyah*). Ini merujuk kepada perbahasan sama ada sifat wujud itu hanya dianggap sebagai suatu konsep (*amrun i<sup>c</sup>tibārī*) atau ia adalah sesuatu yang benar-benar wujud secara hakiki (*amrun khārijī*). Begitu juga, terdapat khilaf mengenai sifat *qudrah* Allah, sama ada ia bersifat *wujudiyah* (benar-benar wujud) atau hanya suatu konsep yang diandaikan (*amrun i<sup>c</sup>tibārīyyah*).

Perbezaan antara usul dan *furu*<sup>c</sup> akidah ini penting untuk difahami, kerana ia membantu seseorang muslim membezakan antara perkara-perkara yang mesti diyakini secara mutlak dengan perkara-perkara yang boleh terdapat perbezaan pandangan tanpa menjejaskan asas keimanan. Perselisihan dalam *furu*<sup>c</sup> akidah adalah perkara biasa dan tidak menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam selagi ia berpegang kepada prinsip-prinsip asas dalam usul akidah.

## Usul dan *furu'* dengan Makna yang lebih umum

Penggunaan istilah usul dan *furu'* dalam konteks yang lebih luas dalam ilmu Islam merujuk kepada pembahagian yang lebih umum antara ilmu akidah dan ilmu fiqh. Dalam pengertian ini, usul sering digunakan untuk merujuk kepada ilmu akidah secara keseluruhan, manakala *furu'* merujuk kepada ilmu fiqh. Pembahagian ini mencerminkan keutamaan kepentingan dalam pemahaman dan pengamalan Islam, di mana akidah dianggap sebagai asas dan tunjang utama, sementara fiqh (hukum-hakam amalan) dilihat sebagai cabang atau lanjutan daripada asas kepercayaan tersebut.

Pembahagian ini penting kerana ia menekankan bahawa amalan fiqh harus bersandarkan kepada asas akidah yang kukuh. Pembahagian ini juga menunjukkan bahawa perbezaan pendapat dalam isu-isu fiqh yang sering berlaku tidak seharusnya menggugat perpaduan ummah, selagi asas akidah tetap utuh dan disepakati. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa pembahagian ini tidak bermaksud untuk memisahkan akidah dan fiqh secara mutlak, kerana kedua-duanya saling berkaitan dan melengkapi dalam membentuk kefahaman dan pengamalan Islam yang menyeluruh. Penggunaan istilah ini secara umum disebut oleh al-Baghāwī (2017) dalam kitab beliau:

وقال الإمام البغوي: العلوم الشرعية قسمان : علم الأصول وعلم الفروع. أما علم الأصول: فهو معرفة الله - سبحانه وتعالى - بالوحدانية والصفات وتصديق الرسل فعلى كل مكلف معرفته ولا يسع فيه التقليد لظهور آياته ووضوح دلائله. وأما علم الفروع: فهو علم الفقه ومعرفة أحكام الدين فينقسم إلى فرض عين وفرض كفاية

Terjemahan: Imam al-Baghawi berkata, "Ilmu-ilmu syariah terbahagi kepada dua bahagian: Ilmu usul dan *furu'*. Adapun ilmu usul: Ia adalah mengenal Allah - Maha Suci dan Maha Tinggi - dengan keesaan-Nya dan sifat-sifat-Nya, serta membenarkan para rasul. Maka wajib ke atas setiap mukallaf (orang yang dibebani tanggungjawab syarak) untuk mengenali-Nya, dan tidak dibenarkan taklid (mengikut secara membuta tuli) dalam perkara ini kerana jelasnya tanda-tanda dan bukti-buktinya. Adapun ilmu *furu'*: Ia adalah ilmu fiqh dan mengenal hukum-hakam agama. Ia terbahagi kepada fardhu ain dan fardhu kifayah".

Kesimpulannya, penggunaan istilah usul untuk ilmu akidah dan *furu'* untuk ilmu fiqh membantu dalam memahami struktur ilmu Islam, menekankan kepentingan akidah sebagai asas, sambil mengiktiraf kepentingan fiqh dalam mengatur kehidupan praktis seorang muslim. Pemahaman ini penting dalam membentuk pendekatan yang seimbang dalam mempelajari dan mengamalkan Islam, di mana kedua-dua aspek kepercayaan dan amalan diberi perhatian yang sewajarnya.

## Pandangan ulama yang menggunakan istilah usul dan *furu'* dalam akidah

Penggunaan istilah usul dan *furu'* dalam akidah oleh sebahagian ulama mencerminkan pendekatan yang sistematik dalam memahami dan mengajarkan akidah Islam. Penyusunan ini bertujuan untuk membezakan antara perkara-perkara asas yang mutlak dengan isu-isu yang



lebih terperinci dalam sistem kepercayaan Islam. Antara ulama yang menggunakan istilah usul dan *furu'* dalam kitab beliau bagi mempelajari penggunaan dalil-dalil oleh ulama *mutakallimin* ialah al-Nawawi (1970):

ولو تشكك والعياذ بالله في شيء من أصول العقائد مما لا بد من اعتقاده ولم يزل شكوا الا بتعليم دليل من أدلة المتكلمين وجب تعلم ذلك لا زالة الشك وتحصيل ذلك الاصل

Terjemahan: “Sekiranya seseorang ragu terhadap mana-mana usul akidah yang tidak dapat tidak mesti dipercayai, dan keraguannya tidak hilang melainkan dengan mempelajari dalil-dalil mutakallimin, wajiblah atasnya mempelajari dalil-dalil itu demi menghilangkan keraguan dan mendapatkan usul tersebut.”

Antara ulama lain yang menerangkan perbahasan makna usul dan *furu'* dalam akidah yang berkaitan dengan masalah-masalah yang boleh dihukum kufur terhadapnya adalah al-Dawwani (1904) dalam kitab *al-Jamal al-Diyani ala Jalal al-Dawwani*:

ان المراد بالاصول الكلامية هي المسائل التي يحكم بكفر من انكرها والفروع الكلامية هي التي لا يقال في حق جاحدها انه كافر كما ذكر ذلك في الكتب الكلامية

Terjemahan: Yang dimaksudkan dengan usul aqidah ialah segala permasalahan yang membawa kepada hukum kufur terhadap mereka yang mengingkarinya. Manakala yang dimaksudkan dengan *furu'* aqidah ialah permasalahan yang tidak membawa kepada hukum kufur terhadap mereka yang mengingkarinya, sebagaimana yang telah dihuraikan dalam pelbagai kitab ilmu kalam.

Terdapat juga ulama yang menggunakan istilah usul dan *furu'* ini dalam mentafsirkan ayat al-Quran seperti al-<sup>c</sup>Alusi (2010) di dalam tafsirnya iaitu *Ruhul Ma<sup>c</sup>ani* ketika mentafsirkan firman Allah dalam surah as-Shāffāt ayat 83:

وَإِنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لَإِبْرَاهِيمَ

Maksudnya: Dan sesungguhnya di antara orang-orang yang menegakkan (ajaran yang dibawa oleh) nabi Nuh ialah nabi Ibrahim.

Petikan tafsir dalam ayat di atas adalah seperti berikut:

ورأيت في بعض الكتاب ولا أدري الآن أي كتاب هو أن نوحا عليو السلام لم يرسل إلا بالتوحيد ونحوه من أصول العقائد ولم يرسل بفروع

Terjemahan: Dan aku pernah melihat dalam beberapa kitab, tetapi sekarang aku tidak tahu kitab yang mana, bahawa Nabi Nuh, alaihis

salam, tidak diutus melainkan dengan ajaran tauhid dan yang seumpamanya daripada asas-asas akidah, dan tidak diutus dengan perkara-perkara cabang.

Istilah usul juga digunakan oleh al-Malti (2007) dalam menentang dan menolak pandangan ahli bid'ah yang menolak ijmak ulama. Pendirian beliau menyatakan bahawasanya ijmak ulama merupakan usul dalam agama.

وقال أبو الحسين المَلْطِي: وَإِجْمَاعُ الْأُمَّةِ أَصْلٌ مِنْ أَصُولِ الدِّينِ وَطَعْنُكُمْ عَلَى جَمَاعَةِ  
الْأُمَّةِ وَقَوْلُكُمْ إِنَّهُمْ ضَلُّوا وَارْتَدُّوا بِإِلَّا حُجَّةٍ وَلَا بَيِّنَةٍ لَا يَقْبَلُ مِنْكُمْ وَلَا يَجُوزُ قَبُولُهُ فِي  
عَقْلِ وَلَا سَمْعٍ وَأَيْضًا

Terjemahan: Telah berkata Abu al-Husayn al-Malati, “Dan ijmak (kesepakatan) umat adalah salah satu daripada usul (asas-asas) agama. Kritikan kamu terhadap jamaah umat dan dakwaan kamu bahawa mereka telah sesat dan murtad tanpa hujah dan bukti yang jelas tidak akan diterima daripada kamu. Dan tidak harus diterima sama ada dari segi akal mahupun dari segi nas (wahyu). Dan juga (tidak harus diterima)”.

Secara keseluruhannya, penggunaan istilah usul dan *furu'* dalam akidah oleh para ulama bertujuan untuk menyediakan kerangka yang jelas untuk memahami dan mengamalkan akidah Islam, sambil mengekalkan kesatuan ummah dan membuka ruang untuk perbincangan intelektual dalam batasan yang dibenarkan oleh syariat. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa tidak semua ulama menggunakan istilah usul dan *furu'* dalam konteks akidah. Sesetengah ulama lebih cenderung untuk melihat akidah sebagai satu kesatuan yang tidak boleh dibahagikan kepada usul dan furuk.

### Ciri-ciri Usul dan *furu'* Akidah

Ulama meletakkan ciri-ciri yang membezakan antara usul dan *furu'* dalam akidah atas beberapa sebab penting. Perbezaan ini membantu dalam mengelakkan perpecahan ummah atas isu-isu yang sebenarnya tidak fundamental dengan menekankan bahawa perbezaan pendapat dalam *furu'* tidak seharusnya menggugat perpaduan asas keimanan. Perbezaan ini juga membantu dalam menentukan tahap toleransi terhadap perbezaan pendapat dalam pelbagai isu akidah, membenarkan fleksibiliti dalam pemikiran untuk isu-isu *furu'* sambil mempertahankan ketegasan dalam usul. Ciri-ciri ini dapat membantu membentuk metodologi yang sesuai dalam kajian dan perbahasan akidah, di mana pendekatan yang berbeza mungkin digunakan untuk usul dan *furu'*. Kesemua ini bertujuan untuk memelihara integriti akidah Islam sambil membenarkan perkembangan pemikiran dalam batasan yang dibenarkan oleh syariat.

### Ciri-ciri Usul Akidah

Beberapa ciri penting yang terdapat pada perkara-perkara usul adalah para ulama ijmak mengenainya. Ini bermakna bahawa prinsip-prinsip asas dalam usul akidah telah disepakati oleh majoriti ulama Islam sepanjang sejarah. Ijmak ini memberikan autoriti dan kepentingan yang

tinggi kepada usul akidah. Antara yang menjadi ijmak para ulama adalah perkara yang ma'lum minal al-Din bil darurah (perkara yang diketahui dalam agama secara *darurah*) (al-Syafie, 2013).

Perkara yang diketahui dalam agama secara *darurah* merujuk kepada aspek-aspek agama yang sangat asas dan jelas sehingga setiap Muslim yang mempunyai pengetahuan asas tentang Islam akan mengetahuinya. Contohnya termasuk kewajipan solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, atau kepercayaan kepada keesaan Allah. Jika seseorang khilaf terhadap perkara yang telah maklum dalam kehidupan ini maka dia akan jatuh kufur. Ini adalah ciri yang paling serius dan penting dalam usul akidah.

Khilaf terhadap perkara yang telah maklum bermaksud bahawa penolakan atau pengingkaran terhadap mana-mana prinsip usul akidah boleh menyebabkan seseorang itu dianggap telah keluar dari agama Islam (kufur). Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa pengisytiharan kufur (*takfir*) adalah perkara yang sangat serius dalam Islam dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ia memerlukan pertimbangan yang teliti oleh pihak yang berautoriti, dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti tahap pengetahuan individu, keadaan, dan niat (al-Nawawi, 1970).

Usul akidah merujuk kepada prinsip-prinsip asas, tonggak utama dan asas yang tidak boleh dipertikaikan dalam sistem kepercayaan Islam. Ciri utama usul akidah adalah dalil dan maknanya yang bersifat *qat'i* (pasti) ia terbahagi kepada dua aspek penting: *Qat'ī tsubūt* dan *qat'ī dilālah*. *Qat'ī tsubūt* bermaksud sumber atau asal-usul prinsip tersebut adalah mutlak dan tidak diragui kesahihannya, biasanya bersumber daripada al-Quran atau hadis mutawatir yang telah disepakati kesahihannya oleh umat Islam. Sementara itu, *qat'ī dilālah* merujuk kepada kejelasan dan ketegasan makna yang terkandung dalam nas atau dalil tersebut. Lafaz atau ayat yang bersifat *qat'ī dilālah* ini tidak mengandungi sebarang kekaburan atau kesamaran makna yang boleh membawa kepada perbezaan tafsiran. Maknanya adalah tunggal dan jelas, sehingga tidak mungkin difahami daripadanya makna lain selain daripada apa yang ditunjukkan oleh lafaz itu sendiri.

Oleh kerana sifatnya yang *qat'ī* dari kedua-dua aspek ini, prinsip-prinsip usul akidah tidak terbuka untuk perbahasan atau perbezaan pendapat dalam kalangan ulama Islam. Ia membentuk asas yang kukuh dan tidak berubah dalam sistem kepercayaan Islam, menjadi titik persamaan dan kesatuan bagi seluruh umat, serta menjadi garis pemisah yang jelas antara apa yang dianggap sebagai kepercayaan asas yang tidak boleh ditolak ansur dan apa yang boleh dibincangkan atau dibahaskan dalam konteks pemikiran Islam.

Antara perkara usul adalah rukun iman yang merupakan asas pegangan bagi setiap muslim, terdiri daripada enam kepercayaan utama yang saling berkaitan (al-Laqqani, 2004). Pertama, beriman kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Esa dan Pencipta alam semesta. Kedua, meyakini kewujudan para malaikat sebagai makhluk Allah yang taat. Ketiga, beriman kepada kitab-kitab suci yang diturunkan oleh Allah, terutamanya al-Qur'an sebagai kitab terakhir. Keempat, mempercayai para rasul Allah, dengan Nabi Muhammad SAW. sebagai rasul terakhir. Kelima, beriman kepada hari akhirat, termasuk kebangkitan dan penghakiman. Akhir sekali, meyakini qada dan qadar, iaitu ketentuan dan takdir Allah dalam segala perkara. Berdasarkan dalil al-Quran surah al-Baqarah ayat 285:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ  
لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ



Maksudnya: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya". Mereka berkata lagi: "Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali".

Rukun iman merupakan intipati akidah Islam yang telah disepakati oleh kebanyakan ulama Ahli Sunah wal Jamaah sebagai asas kepercayaan yang wajib diyakini oleh setiap muslim. Kedudukannya sebagai perkara yang maklum *min al-dīn bil darurah* menunjukkan bahawa ia adalah aspek agama yang diketahui secara pasti dan tidak boleh dipertikaikan dalam kalangan umat Islam. Kesahihan rukun iman ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan dalil-dalil naqli yang bersifat *qat'ī*, iaitu bukti-bukti dari al-Quran dan Hadis yang jelas dan muktamad, tanpa membuka ruang untuk pentafsiran yang berbeza. Kejelasan makna dari dalil-dalil ini telah menyebabkan tiada perselisihan pendapat yang ketara dalam kalangan para ulama mengenai kedudukan dan kepentingan rukun iman dalam Islam. Oleh itu, rukun iman bukan sahaja menjadi tunjang kepercayaan, tetapi juga merupakan konsensus ilmiah dalam tradisi keilmuan Islam, menjadikannya suatu aspek yang tidak boleh dipertikaikan dalam pegangan akidah seorang Muslim.

### Ciri-iri *Furu'* Akidah

Dalam struktur akidah Islam, terdapat perbezaan yang ketara antara usul (prinsip-prinsip asas) dan furuk (cabang-cabang). *Furu'* akidah secara umumnya lebih banyak dan luas skopnya berbanding usul, mencerminkan kepelbagaian dan kerumitan pemikiran Islam dalam isu-isu asas dan dasar. Perbezaan pendapat dalam *furu'* akidah tidak menjejaskan status keislaman seseorang atau mengeluarkannya daripada Islam. Sebaliknya, khilaf dalam *furu'* dilihat sebagai ruang untuk perbincangan intelektual dan ijtihad. Dalam kes-kes tertentu, pendapat yang menyimpang dalam *furu'* mungkin menyebabkan seseorang itu dianggap sebagai ahli *bid'ah* atau memiliki pandangan yang ganjil (*syaz*), namun ini tidak menafikan status keislamannya. Pendekatan ini mencerminkan fleksibiliti dan toleransi dalam pemikiran Islam, membenarkan kepelbagaian pendapat dalam isu-isu yang tidak fundamental sambil mempertahankan kesatuan dalam prinsip-prinsip asas. Ia juga menggalakkan perbincangan ilmiah yang sihat dan perkembangan pemikiran dalam batas-batas yang dibenarkan oleh syariat, seterusnya memperkaya khazanah intelektual Islam tanpa menggugat asas-asas utama akidah.

*Furu'* akidah merujuk kepada aspek-aspek sekunder atau cabang dalam kepercayaan. Walaupun penting ia tidak dianggap sebagai prinsip-prinsip asas yang mutlak. Ciri utama furuk akidah terletak pada sifat sumbernya dan cara ia ditafsirkan. Dari segi sumber (*qat'ī tsubūt*), ia mungkin berasal dari nas-nas yang sahih, namun dari segi pendalilan (*zanni ad-dilalah*), ia membuka ruang untuk pelbagai interpretasi. Ini bermakna, walaupun asalnya dari sumber yang dipercayai, makna atau aplikasinya mungkin tidak sejelas atau seteguh seperti dalam usul akidah. Lafaz atau teks yang berkaitan dengan *furu'* akidah sering mengandungi elemen yang boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara, membolehkan wujudnya perbezaan pendapat dalam kalangan ulama dan pemikir Islam. Ketidaktunggalan makna ini membuka pintu kepada ijtihad dan perbincangan intelektual, di mana pelbagai interpretasi yang munasabah boleh diterima selagi tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam. Pendekatan ini mencerminkan fleksibiliti dan dinamisme dalam pemikiran Islam, membenarkan perkembangan dan adaptasi pemahaman dalam konteks yang berbeza-beza, sambil tetap mengekalkan kerangka asas akidah

yang kukuh. Kesimpulannya, *furu'* akidah memainkan peranan penting dalam memperkaya wacana intelektual Islam, membolehkan penerokaan mendalam terhadap isu-isu teologi yang kompleks tanpa menggugat kesatuan asas kepercayaan umat Islam .

Antara perkara *furu'* dalam akidah adalah cara melihat Allah. Adapun mengenai melihat Tuhan, ijmak ulama mengatakan ia adalah harus. Dengan makna majoriti ulama bersetuju bahawa melihat Allah adalah sesuatu yang mungkin berlaku dan dibenarkan dari segi akidah Islam. Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat muncul dari sudut cara melihat Allah. Beberapa aliran pemikiran dalam Islam mempunyai pandangan yang berbeza mengenai bagaimana proses melihat Allah ini akan berlaku. Ini berdasarkan ayat al-Quran surah al-Qiyamah 22 :

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ

Maksudnya : Pada hari akhirat muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri melihat kepada Tuhannya.

Disebabkan dalilnya bersifat *qat'i* tetapi pendalilan atau makna dari ayat tersebut bersifat *zanni* (*zanni ad-dilalah*), maka persoalan melihat Allah merupakan persoalan *furu'* dalam akidah dan bukan persoalan usul. Ini kerana para teologi Islam berbeza pandangan dalam memahami maksud yang sebenarnya dari ayat berkenaan. Dalam hal ini, Asy'ariyah dan Maturidiyah berpendapat bahawa umat Islam dapat melihat Allah SWT dengan mata kepala. Mereka percaya bahawa penglihatan fizikal terhadap Allah adalah mungkin dan akan berlaku di akhirat. Sebaliknya, aliran Mu'tazilah menafikan kemungkinan melihat Allah dengan mata fizikal. Bagi mereka, 'melihat' Allah dengan makna menanti atau *taqarrub* (Faizah, 2018). Perbezaan pendapat ini menunjukkan bahawa isu melihat Allah adalah persoalan *furu'* dalam akidah, yang membolehkan perbezaan tafsiran dan pemahaman dalam kalangan ulama dan aliran pemikiran Islam.

## IMPLIKASI PRAKTIKAL HASIL KAJIAN

Kajian ini menekankan bahawa perbezaan antara usul dan *furu'* adalah penting untuk diaplikasikan secara praktikal dalam menangani isu ekstremisme. Beberapa aplikasi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

### a. Pendidikan Formal:

Memasukkan konsep usul dan *furu'* dalam kurikulum akidah di institusi pendidikan dapat membantu pelajar memahami kepelbagaian pendapat dalam Islam tanpa menjejaskan prinsip asas. Pembahagian perbahasan ini boleh memberi penekanan kepada rukun iman sebagai usul dan isu-isu khilafiah sebagai *furu'*. Justeru pelajar dapat memahami perbezaan asas dan cabang dalam akidah. Sebagai contoh, perbincangan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah tidak harus dijadikan alasan untuk menuduh orang lain sesat jika mereka berpandangan berbeza.

Penekanan terhadap konsep *wasatiyyah* (kesederhanaan) dalam ajaran Islam dapat membantu membentuk kefahaman yang sederhana dan toleransi dalam menghadapi isu-isu perbezaan. Ia juga akan menjauhkan pemikiran masyarakat dari cenderung kepada sikap ekstrem (*ghuluw*) mahupun terlalu longgar (*tafrit*). *Wasatiyyah* menekankan keseimbangan dalam segala aspek kehidupan, termasuk akidah, ibadah,

akhlak, dan *muamalah*. Dalam konteks menangani ekstremisme, konsep ini memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat harmoni (Wahab et al., 2022).

b. Peranan Ulama dan Institusi Islam

Peranan ulama dan institusi Islam amat penting dalam menangani cabaran pemikiran ekstremisme dan radikalisme, terutamanya dalam masyarakat Muslim modern. Ulama bukan sahaja bertindak sebagai penjaga tradisi agama tetapi juga sebagai penyelesaian masalah dalam isu-isu kontemporari yang timbul akibat salah faham terhadap ajaran Islam. Institusi seperti Majlis Fatwa Kebangsaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan badan-badan agama negeri pula berfungsi sebagai pengawal selia keutuhan akidah dan amalan Islam, memastikan bahawa umat Islam berpandukan ajaran yang benar.

Antara perkara yang dilakukan oleh institusi seperti JAKIM dan Majlis Fatwa Kebangsaan ialah menetapkan Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ) sebagai pegangan rasmi umat Islam di Malaysia. Ketetapan yang dibuat bagi melindungi umat Islam daripada ajaran sesat, seperti khawarij modern, pluralisme dan banyak lagi yang cenderung kepada pendekatan literal dan sering membawa kepada radikalisme. Pendekatan yang dibawa institusi Islam ini adalah bagi mengukuhkan kesatuan umat Islam dengan menyelaraskan tafsiran agama yang selari dengan prinsip kesederhanaan (*wasatiyyah*). Natijah pada pembawakan yang dibawa akan menghalang penyebaran ajaran yang bertentangan dengan hukum syarak melalui penguatkuasaan undang-undang, seperti larangan ke atas ajaran Syiah yang ditetapkan bercanggah dengan ASWJ (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015).

c. Kesederhanaan Dalam Akidah

Penekanan terhadap Usul dan *furu'* Akidah Islam berdasarkan ajaran Ahli Sunah Waljamaah menekankan bahawa keimanan kepada perkara-perkara asas seperti tauhid, sifat-sifat Allah, dan rukun iman adalah tidak boleh dipertikaikan. Namun, dalam perkara cabang, perbezaan pendapat di kalangan ulama diterima sebagai rahmat. Penekanan yang sederhana ini akan menolak budaya takfir dalam masyarakat, iaitu tindakan mengkafirkan individu atau kumpulan lain secara tidak sah. Budaya *takfir* sering kali timbul akibat salah tafsir terhadap perkara *furu'* atau sikap fanatik terhadap pandangan tertentu, sehingga perbezaan yang kecil dianggap sebagai ancaman kepada akidah.

Tindakan ini bukan sahaja mencetuskan perpecahan di kalangan umat Islam, tetapi juga menyumbang kepada keganasan dan radikalisme apabila tuduhan kafir digunakan untuk membenarkan tindakan kejam seperti pembunuhan. Ulama Ahli Sunah wal Jamaah menegaskan bahawa *takfir* hanya boleh dilakukan berdasarkan dalil yang sangat jelas, dan ini adalah hak Allah serta Rasul-Nya. Dalam perkara yang tidak jelas, prinsip berhati-hati perlu diutamakan. Oleh itu, pendidikan tentang konsep usul dan *furu'* dalam akidah perlu diperluaskan untuk memastikan masyarakat memahami batasan perbezaan yang dibenarkan dan tidak cepat menghukum pihak lain (Hamid 2010).

## KESIMPULAN

Kefahaman mengenai usul dan *furu'* dalam akidah mempunyai implikasi yang baik dan buruk terhadap masyarakat. Implikasi baiknya adalah ia dapat memperkukuhkan asas keimanan individu dan masyarakat secara keseluruhan. Kefahaman yang jelas mengenai konsep-konsep asas akidah, seperti tauhid, rukun iman, dan prinsip-prinsip utama Islam, membantu dalam menjaga kesatuan dan perpaduan umat Islam. Apabila masyarakat memahami perbezaan antara

perkara asas dan cabang dalam akidah, mereka lebih cenderung untuk bertoleransi dan menerima perbezaan pendapat dalam hal-hal cabang yang tidak menjejaskan prinsip-prinsip utama agama. Ini boleh mengelakkan perpecahan dan konflik yang timbul daripada perbezaan pendapat dalam perkara *furu'*. Kefahaman ini juga dapat melahirkan sikap wasatiyyah (kesederhanaan) dalam beragama, di mana masyarakat tidak terlalu rigid mahupun terlalu longgar dalam perkara akidah.

Namun, kefahaman yang salah atau berlebihan menekankan perbezaan dalam usul dan *furu'* boleh membawa implikasi buruk. Jika masyarakat lebih cenderung menekankan perbezaan pendapat dalam perkara *furu'* dan mengabaikan aspek perpaduan, ini boleh membawa kepada pertelingkahan dan perpecahan. Selain itu, apabila fokus terlalu tertumpu pada perkara-perkara cabang, masyarakat mungkin mengabaikan perkara asas dan prinsip utama dalam akidah, yang boleh melemahkan iman dan amalan agama.

Oleh itu, keseimbangan yang bijaksana dalam memahami usul dan *furu'* adalah penting bagi memastikan keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat. Antara keburukan yang perlu dititikberatkan adalah ekstremisme dalam pemikiran, di mana perbezaan pendapat dalam isu-isu kecil dianggap sebagai kekufuran, membawa implikasi yang serius dan merosakkan kepada masyarakat. Apabila pandangan yang berbeza dalam perkara-perkara cabang atau *furu'* dijadikan asas untuk menuduh pihak lain sebagai kafir, ia bukan sahaja menyalahi prinsip Islam yang menekankan rahmat, kesatuan, dan toleransi, tetapi juga mencetuskan konflik dan permusuhan yang tidak perlu dalam kalangan umat Islam.

Kesimpulan pada kajian ini terdapat empat ciri-ciri yang boleh diketahui perbezaan antara usul dan *furu'* dalam akidah. Pertama, perkara yang menjadi ijmak para ulama Ahli Sunah Waljamaah, di mana jika sesuatu isu telah disepakati oleh majoriti ulama, ia cenderung dianggap sebagai usul. Kedua, perkara yang *maaruf min al-dīn bil darurah*, iaitu perkara-perkara yang diketahui secara pasti dan jelas dalam agama, yang biasanya tergolong dalam usul akidah. Ketiga, melihat pada dalil, di mana dalil-dalil yang *qat'ī* (pasti) biasanya merujuk kepada usul, manakala dalil-dalil yang *zannī* (tidak pasti) lebih cenderung kepada *furu'*. Keempat, melihat pada dalalah atau penunjukan makna, di mana dalalah yang jelas dan tidak memerlukan pentafsiran lanjut biasanya berkaitan dengan usul, sementara *dalalah* yang memerlukan pentafsiran atau boleh difahami dengan pelbagai cara lebih cenderung kepada *furu'* dalam akidah. Pemahaman yang jelas terhadap konsep ini dapat diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, dakwah, pengurusan komuniti, dan pembentukan dasar, sekali gus memupuk sikap toleransi dan mengukuhkan perpaduan ummah.

## RUJUKAN

- Al-Akiti, Muhammad Ayman. (2022). Bahaya pemikiran takfiri terhadap ahli sunah waljamaah di Malaysia. TAFHIM: *IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 15(2), 111-146.
- Ali Jad, al-Haq. (2009). *Ijtihad al-Rasul wa Qadha'uhu wa Fatwahu*. Mesir: Nahdoh.
- Al-Alusi, Abu al-Tsana' Syihabuddin al-Sayyid Mahmud Afandi. (2010). *Ruh al-Maani fi Taqsim al-Quran wa Sab'al-Masani*. Mesir: al-Risalah.
- Al-Baghawi, Hafiz Abu Muhammad Husain ibn Mas'ud. (2017). *Syarah Sunnah lil Baghawi*. Mesir: Darul Ibnu Hazm.
- Al-Dawwani, Jalaluddin. (1904). *Al-Jamal al-Diyani a'la Jalal al-Dawwani*. Mesir: Maktabah Lathoif al-Sohaif.
- Faizah, Ita Nurul. (2018). Melihat Allah dalam Pandangan Seorang Mu'Tazili: al-Qaḍi 'Abd al-Jabbar. Master Thesis, Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2017). *Faisol Tafrīqah Baina Islām wa Zindiqiyyah*. Mesir: Darul Minhaj.
- Hamid, Lukman. (2010). Ekstremisme dalam Perpesktif Islam: Studi Tentang Akar Pemikiran, Faktor-faktor, dan Solusinya. Master Thesis, Fakultas Ushuluddin, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabayaya.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Laqqani, Ibrahim ibn Muhammad ibn Ahmad al-Baijuri. (2004). *Tuhfat al-Murid Syarah Jauhar al-Tauhīd*. Mesir: Darul Kutub Ilmiyyah.
- Al-Malti, Abu Hussain Muhammad ibn Abdul Rahman. (2007). *Tanbīh wa al-radd ʿala Ahli Ahwa' wa Bida'*. Mesir: Maktabah Azhariyyah.
- Muhammad, Hidayah & al-Akiti, Muhammad Ayman. (2021). *Akidah Tahap Asas*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
- Al-Nawawi, Yahya ibn al-Sharaf. 1970. *Al-Minhāj Sharah Saḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Iḥyā' al-Thuras al-ʿArabī.
- Ningrum, Ita Sofia. (2017). Dasar-dasar para ulama dalam berijtihad dan metode istinbaḥ hukum. *Mizan: Journal of Islamic Law*, 5(1), 93-108.
- Al-Syafie, Muhammad ibn Idris. (2013). *Al-Risālah*. Lubnan: Darul Kutub Ilmiyyah.
- Al-Thahawi, Abu Ja'far Ahmad ibn Muhammad ibn Salamah. (2002). *Syarah ʿAkidah Thohawiyyah*. Mesir: Darul Ibnu Rejab.
- Wahab, Muhammad Rashidi, Shuhari, Mohd Hasrul & Hamat, Mohd Fauzi. (2022). Mendepani ekstremisme melalui pendekatan ahli sunah waljamaah berteraskan wasatiyyah. *Journal of Public Security and Safety* 14(2), 151-173.